

KEISTIMEWAAN BUDAYA TERENGGANU DALAM ASPEK MAKANAN KUIH TRADISIONAL

MAIZATUL ADILA BINTI IBRAHIM

**JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI
KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

KEISTIMEWAAN BUDAYA TERENGGANU DALAM ASPEK MAKANAN KUIH
TRADISIONAL

MAIZATUL ADILA BINTI IBRAHIM

D20191088955

A212

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMNUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH IJAZAH MUDA PENDIDIKAN (SENI)

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF,

2023

PENGAKUAN

Saya mengaku kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan seumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbitkan atau diserahkan mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :

NAMA PENGAJI : MAIZATUL ADILA BINTI IBRAHIM

NO. MATRIK : D20191088955

PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah disemak oleh :

Nama Penyelia : **DR. HARLENY BINTI ABD ARIFF**

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh :

Nama Penyelaras : **DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR**

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan penulisan kajian saya iaitu “ Keistimewaan Budaya Terengganu Dalam Aspek Makanan Kuih Tradisional” ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga dikhaskan kepada Dr. Harleny binti Abd Ariff selaku penyelia kursus Projek Tahun Akhir (MSR 3996) yang telah banyak memberi tunjuk ajar, khidmat nasihat dan bimbingan serta memberikan idea-idea yang bernas kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga saya di atas pengorbanan mereka dalam memberikan semangat, nasihat, dan dorongan moral serta sumber kewangan dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini.

Ribuan terima kasih kepada kawan-kawan seperjuangan kerana sudi memberikan kerjasama dan komitmen yang baik dalam menyiapkan kajian ini meskipun terpaksa akur dengan cabaran masing-masing.

PENYATAAN PERIBADI

“MY WALL FRAME”

‘My Wall Frame’ merupakan foto makanan kuih tradisional iaitu (Netbak) yang merupakan satu kenangan pengkarya bersama arwah nenek yang mengajar cara membuat kuih tersebut. Pengkarya cuba menginterpretasikan karya ini melalui gambaran lukisan kuih sebagai satu kenangan bersama arwah nenek di samping ramai remaja kini kurang mengenali kuih tradisional yang dahulunya begitu popular di Terengganu. Pengkarya juga menggunakan warna-warna yang terang sebagai tarikan yang menggambarkan penerapan budaya luar. Pengkarya menggunakan Teknik Glazing dengan media campuran untuk menghasilkan karya yang lebih realistik. Hubungkait antara teknik dan media yang pengkarya aplikasikan adalah untuk meluahkan perasaan kerinduan kepada arwah neneknya.

GAMBAR KARYA



ABSTRAK

Kemodenan dunia yang berlaku dengan pesat telah memberikan impak yang besar kepada masyarakat di negara ini. Zaman yang serba canggih ini telah mempengaruhi minda anak-anak muda untuk mencuba benda baru seperti gaya fesyen mengikut budaya luar serta makanan-makanan pembawakan daripada pengaruh luar. Diaspora Bangsa membawa maksud penyebaran budaya dalam kalangan masyarakat yang berlaku pada hari ini. Kebanyakan remaja-remaja kini lupa akan budaya sendiri malah mereka lebih membanggakan budaya luar contoh Pizza, Sushi, Puding Karamel dan sebagainya. Setiap negeri mempunyai identiti / warisan yang tersendiri yang melambangkan sesuatu negeri dan mempunyai keunikannya seperti Kuih Netbak yang terdapat di Terengganu yang terkenal suatu ketika dahulu namun kini ramai masyarakat yang tidak mengenali kuih ini. Karya yang dihasilkan ini adalah untuk mengekalkan warisan budaya Terengganu melalui penghasilan karya

ISI KANDUNGAN

Senarai Kandunga	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PENYATAAN PERIBADI	iv
GAMBAR KARYA	v
ABSTRAK	vi

BAB 1

PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Signifikan Kajian	5
1.6	Metodologi Kajian	6
i.	Kajian Pustaka	9

ii.	Kaedah Pemerhatian	11
1.7	Carta Perbatuan	12
1.8	Rumusan	15

BAB 2**KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	16
2.1	Kajin Isu	16
2.2	Kajian Teori	17
2.3	Artis Rujukan	18
2.3.1	Artis Rujukan 1 : Tan Gaik Hoon	19
2.3.2	Artis Rujukan 2 : Awang Osman Bin Bakir	22
2.3.3	Artis Rujukan 3 : Andy Warhol	24
2.3.4	Artis Rujukan 4 : Georgetten Chen	27
2.3.5	Artis Rujukan 5 : Dzul kifli Yusoff	29
2.4	Rumusan	30

BAB 3**KAJIAN STUDIO**

3.0	Kajian studio	31
-----	---------------	----

3.1	Penjanaan Idea	32
3.1.1	Gaya Artistik	34
3.1.2	Penggunaan Teknik	35
3.1.3	Pemilihan Bahan	36
3.2	Proses Kreatif (proses penghasilan)	37
3.3	Rumusan	47

BAB 4**ANALISIS VISUAL**

4.0	Pengenalan	48
4.1	Deskripsi	49
4.2	Analisis	50
4.3	Interprestasi	51
4.4	Pertimbangan	54

BAB 5**PENUTUP DAN CADANGAN**

5.0	pengenalan	55
5.1	penutup	56
5.2	cadangan dan penambahbaikan	58

RAJAH	SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
--------------	----------------------	-------------------

Rajah 1	Peta Pemikiran	6
Rajah 2	Adaptasi Model Kaedah Umum Penghasilan Karya	18
Rajah 3	Peta Pemikiran Penjanaan Idea	32

JADUAL	SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
---------------	-----------------------	-------------------

Jadual 1	Carta Perbatuan	15
----------	-----------------	----

GAMBAR	SENARAI GAMBAR	MUKA SURAT
---------------	-----------------------	-------------------

Gambar 1	Rujukan Buku 1	9
Gambar 2	Rujukan Buku 2	10
Gambar 3	Rujukan Buku 3	10
Gambar 4	Rujukan Buku 4	11
Gambar 5	Artis Rujukan Tan Gaik Hoon	19
Gambar 6	Karya Artis Rujukan Tan Gaik Hoon	20
Gambar 7	Artis Rujukan Awang Osman Bakir	22
Gambar 8	Karya Artis Rujukan Awang Osman Bakir	23
Gambar 9	Artis Rujukan Andy Warhol	24
Gambar 10	Karya Artis Rujukan Andy Warhol	25
Gambar 11	Artis Rujukan Georgette Chen	26
Gambar 12	Karya Artis Rujukan Georgette Chen	27
Gambar 13	Artis Rujukan Zulkifli Yusoff	28

Gambar 14	Karya Artis Rujukan Zulkifli Yusof	29
Gambar 15	Contoh Realisme	34
Gambar 16	Penggunaan Teknik	35
Gambar 17	Bingkai Gambar Lama	36
Gambar 18	Gam Silikon	37
Gambar 19	Mewarnakan Kain Kanvas	38
Gambar 20	Melakar	39
Gambar 21	Mewarna lapisan Pertama	40
Gambar 22	Mewarna bahagian kedua	40
Gambar 23	Warna bahagian yang seterusnya	41
Gambar 24	warna pada bahagian yang gelap	41
Gambar 25	Membuat pencahayaan	42
Gambar 26	Melekatkan Masking tape	43
Gambar 27	warna latang belakang	43
Gambar 28	warna latar belakang kuih	44
Gambar 29	Melukis dooddle makanan	45
Gambar 30	melekatkan bingkai gambar	46
Gambar 31	memasang semua bingkai gambar	46
Gambar 32	Kemasan akhir	47
Gambar 33	Karya seni catan	49



BAB 1

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Bab ini menceritakan dengan lebih terperinci mengenai kajian dan tema yang digunakan dalam kajian serta isu yang ingin diketengahkan. Kajian ini berkaitan dengan Keistimewaan Budaya Terengganu Dalam Aspek Makanan Kuih Tradisional serta faktor yang mempengaruhi kuih tradisional. Selain itu, permasalahan kajian pula akan dikupas dalam kajian dalam menghasilkan karya berdasarkan isu yang dikemukakan. Terdapat juga beberapa objektif penting yang telah dikenalpasti dalam menghasilkan karya tersebut. Oleh itu, bab ini membincangkan mengenai tema berdasarkan projek tahun akhir pelajar Pendidikan Seni di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tema yang ditetapkan oleh pensyarah setiap studio adalah 'Diaspora Citra Bangsa' yang bermaksud penyebaran budaya dalam kalangan bangsa.





1.1 Latar belakang:

Makanan merupakan salah satu keperluan penting di dalam hidup seorang manusia. Makanan tradisional merupakan sebahagian daripada budaya, identiti dan warisan untuk setiap bahagian negara-negara di seluruh dunia. Negara Eropah mengisytiharkan bahawa tradisional yang berkaitan dengan makanan dan cara penggunaan tradisional dalam pasaran masyarakat untuk tempoh masa tertentu menunjukkan perubahan di antara generasi kepada generasi yang lain. Makanan tradisional seperti disebut makanan yang dibezakan melalui aspek kualitatif dengan identiti budaya khas (Jordana,2000).

Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan berbeza latar budaya mempunyai kepelbagaian juadah makanan warisan masing-masing. Namun, makanan warisan kini kurang diminati dan kurang dikenali oleh anak muda Malaysia malah yang dibanggakan adalah makanan barat seperti 'sushi', 'sandwich', 'big apple' dan sebagainya. Kuih-muih tradisional Melayu merupakan kuih yang dihasilkan sejak turun-temurun. Kuih-muih tradisional ini merupakan santapan yang hanya boleh dirasai oleh golongan atasan sahaja. Kebiasaannya kuih-muih tradisional akan dihidangkan ketika sultan sedang berehat, ataupun semasa meraikan sesuatu majlis.

Kuih-muih tradisional adalah kuih yang dihasilkan dengan menggunakan bahan tempatan seperti pisang, ubi keledak, ubi kayu, sagu, tepung beras, tepung pulut, gula melaka, keladi, santan kelapa, kelapa parut dan sebagainya. Kuih-muih tradisional di Malaysia menggambarkan budaya dan tradisi penduduk yang berbilang kaum di negara ini. Terengganu merupakan negeri dalam alam Melayu pertama yang bertapaknya ajaran Islam sepertimana mengikut Batu Bersurat Terengganu yang





ditemui di Kuala Berang, Hulu Terengganu di mana tarikh ia dipahat diamati sekitar antara 702 dan 789 tahun Hijriah atau antara 1303 dan 1387 tahun Masihi. Negeri Terengganu mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana terdapat pelbagai aneka juadah makanan yang sedap dan aneka muih tradisional yang jarang dijumpai di mana-mana negeri.

Daerah Besut merupakan kawasan pengeluar utama bagi padi, kelapa sawit, tembakau dan buah-buahan bagi Negeri Terengganu. Keluasan tanaman padi mewakili hampir 75 peratus daripada keluasan tanaman padi bagi Negeri Terengganu. Ini menjadikan ia sebagai kawasan tanaman makanan negara yang perlu dikawal dan dipelihara. Daerah Besut merupakan sempadan antara Terengganu dan Kelantan. Keunikan Daerah Besut adalah kerana gabungan antara dua negeri yang memberikan keistimewaan dalam aspek budaya makanan tradisional di samping memiliki harga yang berpatutan. Kuih-muih tradisional di Terengganu melambangkan identiti kepada budaya di negeri Terengganu itu sendiri contohnya Kuih Tahi Itik, Kuih Tok Aji Serban, Lompat Tikam dan sebagainya.

1.2 Isu / Permasalahan Kajian

Kemodenan yang berlaku pada hari ini telah membawa masuk banyak unsur budaya asing ke dalam diri sebahagian masyarakat terutamanya golongan muda. Pengaruh budaya luar yang dibawa ke negara ini jelas dilihat pada fesyen dan pengaruh makanan.





Kuih tradisional di Malaysia menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Hal ini menjadi satu sumber tarikan pelancong yang dapat menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara yang penuh dengan kepelbagaian negara ini. Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, negeri Kelantan terkenal dengan Kuih Akok, Kuih Bakar manakala di negeri Terengganu pula terkenal dengan Kuih Netbak, Kuih Peria , Lompat Tikam dan sebagainya namun rasa kuih tradisional kini sudah tidak sama lagi kerana dari segi cara pembuatannya. Pernyataan ini dijelaskan oleh Pensyarah Jabatan Pengurusan dan Khidmat Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Shahrim Karim dalam Berita Harian, "Kuih-kuih ini hanya orang tua-tua tahu membuatnya. Apabila mereka sudah tiada dan jika anak-anak buat rasanya sudah tidak sama lagi".



Dalam kajian ini, pengkarya ingin menyentuh berkaitan isu kuih tradisional yang semakin dilupakan di Terengganu. Remaja pada hari ini kebanyakannya tidak mengenali kuih-muih tradisional walaupun di negeri sendiri. Kenyataan ini jelas diberikan oleh Profesor Madya Dr. Shahrim Karim, Pakar Makanan Warisan Negara, 2018 menyatakan “ seiring dengan perkembangan dunia masa ini yang mendedahkan kita kepada dunia luar, membuatkan masyarakat lebih gemar mencuba makanan moden, termasuklah kuih-muih yang berasal dari luar. Oleh hal demikian, kajian ini dibuat adalah untuk menyatakan keistimewaan kuih tradisional di Terengganu di samping menjaga warisan turun-temurun.





1.3 Persoalan kajian :

2. Apakah keistimewaan kuih tradisional di negeri Terengganu?
3. Apakah cara untuk mengekalkan warisan budaya Terengganu?
4. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh budaya luar?

1.4 Objektif kajian:

2. Menjelaskan keistimewaan kuih tradisional di negeri Terengganu
3. Menjelaskan cara untuk mengekalkan warisan budaya Terengganu
4. Menganalisis faktor yang menyebabkan berlakunya pengaruh budaya luar



1.5 Signifikan Kajian:


Kajian ini amat penting dan bermakna untuk meningkatkan kesedaran bahawa kuih tradisional di negara kita ini mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri dari segi nama, rasa, warna, rupa, bentuk dan cara pembuatannya. Hal ini jelas dilihat pada setiap negeri mempunyai identiti / warisan kuih tradisional yang tersendiri. Kajian ini dianggap menarik kerana ianya bertepatan dengan saya sebagai salah seorang anak jati Terengganu. Melalui kajian yang dibuat secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat terutamanya golongan remaja untuk mencuba kuih tradisional yang mereka jarang temui di negeri masing-masing di samping mengekalkan warisan turun-temurun dan mengekalkan tradisi kuih tradisional.



1.6 Metodologi:

Pelaksanaan sesuatu kajian haruslah mempunyai kaedah yang telah ditetapkan untuk memastikan gerak kerja yang dijalankan teratur dan dapat memenuhi semua aspek. Dalam kajian ini, pengkarya telah membuat peta pemikiran sebagai metodologi kajian untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Peta Pemikiran:



Rajah 1: Peta Pemikiran



Berdasarkan peta pemikiran yang ditunjukkan, pengkarya dapat menjalankan karya dengan lebih baik berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada peta pemikiran berdasarkan empat persoalan tersebut. Persoalan tersebut terdiri daripada kuih tradisional, identiti / warisan, budaya masyarakat dan pengayaan diri. Melalui kuih tradisional, pengkarya cuba mendalami maksud atau makna dari perkataan kuih dan tradisional dengan baik dan lebih terperinci sebelum menghasilkan karya. Dalam kajian ini, pengkarya cuba untuk mengeluarkan satu-persatu makna dari kuih dan tradisional supaya karya yang dihasilkan oleh pengkarya tidak tersimpang dari idea asalnya dan dapat memahami dengan baik apa isu yang ingin diketengahkan.

Berdasarkan identiti / warisan pula, pengkaji cuba untuk mengenalpasti kuih-kuih tradisional yang terkenal suatu ketika dahulu yang kini jarang ditemui dan tidak dikenali masyarakat terutamanya remaja di negeri Terengganu. Kuih Netbak, Cekmek, Tok Aji Serban dan Golek Abu tidak ditemui di mana-mana negeri kerana kuih-kuih ini merupakan identiti/warisan Terengganu dan ianya mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi nama, rasa, warna serta cara pembuatannya. Oleh itu, kuih-kuih ini hanya terdapat di Terengganu sahaja kerana hanya masyarakat Terengganu sahaja yang tahu cara pembuatannya dan resipi dalam membuat kuih tersebut. Namun, kuih-kuih ini jarang ditemui di Terengganu kerana peredaran masa yang menyebabkan kuih-kuih ini semakin lupus.

Melalui budaya masyarakat pula, kajian yang dikaji oleh pengkarya menunjukkan budaya masyarakat di Terengganu kini telah dipengaruhi oleh budaya barat. Hanya sebilangan masyarakat sahaja yang menjual kuih-muih tradisional di gerai-gerai kecil. Kini, pembuatan kuih yang menggunakan sabut kelapa dan parut kelapa jarang ditemui kerana cara pembuatannya begitu remeh menyebabkan ramai





masyarakat Terengganu tidak lagi aktif dalam membuat kuih-kuih tradisional malah mereka lebih gemar dalam membuat kuih yang dimodenkan kerana proses pembuatannya yang menjimatkan masa dan tenaga seperti sushi, puding karamel, kek marbel dan sebagainya. Setiap karya haruslah mempunyai isu ataupun penceritaan yang cuba disampaikan oleh pengkaji dalam maksud tersirat. Melalui karya ini, pengkaji cuba menghasilkan sebuah karya yang mengetengahkan isu kuih tradisional di Terengganu yang semakin hilang ditelan zaman. Pengkarya cuba menginterpretasikan kuih-muih Terengganu melalui lukisan. Melalui kuih-kuih dalam lukisan tersebut, masyarakat akan cuba untuk mencari dan merasai kuih tersebut disamping dapat mengekalkan warisan kuih tersebut.


Akhir sekali, pengayaan diri. Dalam menghasilkan sesuatu karya sudah pasti karya yang dihasilkan itu mempunyai kaitan dengan diri, masyarakat, keluarga ataupun persekitaran di sekeliling. Dalam karya yang dihasilkan, terdapat satu kuih yang mempunyai kaitan dengan diri pengkarya iaitu Kuih 'Netbak' yang merupakan kenangan pengkarya bersama arwah neneknya. Suatu ketika dahulu, pengkarya tidak tahu bagaimana cara makan kuih tersebut namun setelah diajari arwah nenek ternyata kuih tersebut perlu dimakan bersama manisan atau berkuah. Disini, pengkarya menceritakan kenangan yang paling berharga dan masa yang tidak dapat diundur adalah pengkarya dapat menikmati juadah makanan Kuih Netbak bersama arwah nenek yang merupakan kuih kegemaran arwah nenek pengkarya. Dahulu Kuih Netbak begitu popular di negeri Terengganu dan juga merupakan satu identiti/warisan negeri tersebut namun kini semakin pupus dan ramai yang tidak mengenali kuih tersebut.






i. Kajian Pustaka

Perlaksanaan kaedah ini adalah dengan tujuan membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang terperinci, lebih luas dan maklumat tambahan dalam menjalankan projek ini. Kajian ini telah dilakukan di Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Sebanyak empat buah buku telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam kajian ini iaitu buku yang bertajuk Istimewa Hidangan Petang, Warisan Bonda, Makanan Warisan Malaysia dan Kuih Dan Manisan Kelantan. Pengkaji turut memanfaatkan kemudahan dan teknologi yang ada untuk mendapatkan bahan melalui perpustakaan atas talian dan juga maklumat-maklumat yang terdapat dalam talian yang membantu pengkarya mencari maklumat dengan pantas.




Gambar 1: Rujukan Buku 1






Gambar 2: Rujukan Buku 2



Gambar 3: Rujukan Buku 3





ii. Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian merupakan proses menilai sesuatu melalui penglihatan dengan mempunyai tujuan seperti untuk mencari maklumat, mencari pengalaman dan sebagainya. Menurut Merriam (2001), kaedah pengumpulan data secara pemerhatian memberi peluang kepada pengkaji mendapatkan maklumat secara langsung terhadap program, proses atau sesuatu perkara yang ingin dikaji dalam situasi semulajadi. Bagi mendapatkan maklumat dan data, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian menerusi karya-karya artis rujukan khususnya dalam seni halus.





1.7 Carta Perbatuan

Carta perbatuan merupakan proses sepanjang penghasilan karya. Dengan kata lainnya melaksanakan atau merancang jadual dengan baik sepanjang projek tahun akhir berlangsung. Dengan adanya carta ini maka segala perancangan dapat dilaksanakan dengan baik. Carta perbatuan ini juga adalah untuk melihat kekerapan perbincangan yang dilakukan dengan pensyarah bagi melihat proses perkembangan idea dan isu yang dipilih.

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perbincangan mengenai tema dan isu kajian projek tahun akhir bersama penyelaras															
Membuat kajian berkenaan kajian yang dipilih dan penerangan tentang tema															





oleh penasihat pameran																		
Proses meneliti dan pemilihan subjek kajian yang digunakan di dalam penghasilan karya																		
Proses pemilihan idea dan lakaran karya oleh penyelia. Proses dipilih dan penerangan tentang tema oleh penasihat pameran																		
Proses meneliti dan pemilihan subjek kajian yang digunakan di dalam																		





penghasilan karya																				
Proses pemilihan idea dan lakaran karya oleh penyelia. Proses pemilihan komposisi catan																				
Pemilihan media dan teknik catan yang akan digunakan di dalam penghasilan karya. Proses eksperimentasi teknik dan bahan yang digunakan.																				
Proses permulaan penghasilan karya secara berperingkat																				



